



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama pemimpin negara dan kerajaan dari 37 buah negara dalam sesi bergambar selepas sidang kemuncak meja bulat Forum Jalur dan Laluan bagi Kerjasama Antarabangsa di Pusat Konvensyen Antarabangsa Tasik Yanqi, dekat Beijing, China, semalam. - BERNAMA

Fahami perbezaan budaya, nilai

BELJING 27 April - Tidak ada sesiapa yang seharusnya mengenakan satu sistem nilai tunggal terhadap dunia, sebaliknya orang itu perlu berusaha untuk memahami nilai-nilai kehidupan dan perbezaan kebudayaan, kata Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Berucap dalam sidang kemuncak meja bulat pada hari terakhir Forum Jalur dan Laluan untuk Kerjasama Antarabangsa di Tasik Yangi hari ini, beliau berkata, toleransi terhadap nilai dan perbezaan kebudayaan perlu ada, kerana tanpanya ia boleh membawa keburukan.

"Kita juga perlu bertoleransi terhadap nilai dan kebudayaan yang berbeza, kita tidak seharusnya mengenakan satu sistem nilai tunggal terhadap dunia kerana banyak negara yang belum bersedia untuknya."

"Perlu ada usaha untuk menjelaskan perbezaan nilai dan budaya. Negara-negara Asia perlu dibenarkan memelihara nilai-nilainya kerana ia akan mewujudkan persefahaman yang lebih

"Kita juga perlu bertoleransi terhadap nilai dan kebudayaan yang berbeza, kita tidak seharusnya mengenakan satu sistem nilai tunggal terhadap dunia kerana banyak negara yang belum bersedia untuknya."

MAHATHIR MOHAMAD

baik. Apabila ada nilai-nilai tertentu dikenakan, ia hanya akan merosakkan, dan cenderung kepada keganasan," kata Perdana Menteri.

Sidang kemuncak meja bulat yang dihadiri 37 pemimpin dunia itu dirasmikan oleh Presiden Xi Jinping.

Dr. Mahathir menambah, inisiatif Jalur dan Laluan itu bukan sahaja akan memupuk pembangunan di kalangan negara-negara yang mengambil bahagian, tetapi juga mewujudkan persefahaman.

"Hanya menerusi persefahaman sahaja kita boleh menuai manfaat dunia yang saling berhubung," katanya dan menambah bahawa Malaysia secara langsung terbabit dengan dasar-dasar infrastruktur, yang pertama kali dicetuskan oleh Presiden Xi kira-kira enam tahun lepas.

Menurutnya, Malaysia percaya inisiatif Jalur dan Laluan itu akan menyumbang kepada keamanan dunia, dan merapatkan jurang perbezaan antara yang kaya dan miskin.

Jalur dan Laluan adalah inisiatif bagi mewujudkan rangkaian jaringan perdagangan antara timur dan barat menerusi pembangunan lapangan terbang, pelabuhan, laluan keretapi, laluan paip dan sebagainya. - BERNAMA